



**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**  
**Selangor State Development Corporation**

**PEKELILING PERKHIDMATAN**  
**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG – PEGAWAI LAPANGAN BMTKM**

**A) PEMOHON-PEMOHON ADALAH DIPELAWA DARIPADA :**

- i) **Rakyat Negeri Selangor; atau**
- ii) **Ibu/bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau**
- iii) **Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun dan**

yang berkelayakan untuk bertugas di empat (4) daerah di Negeri Selangor.

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>TARAF JAWATAN</b>
<b>1.</b>	<b>PEGAWAI TADBIR GRED N41 (PEGAWAI LAPANGAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM))</b>	<b>KONTRAK</b>

**\* Syarat-syarat lantikan adalah seperti di lampiran.**

## B) CARA MEMOHON

- i) Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Sumber Manusia atau dengan memuat turun borang dari laman web <http://www.pkns.gov.my> berserta syarat-syarat dan maklumat jawatan. Borang yang lengkap diisi dan berserta salinan sijil-sijil yang lengkap hendaklah dihantar kepada :

**Pengurus Besar Sumber Manusia  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
Bahagian Sumber Manusia, Tingkat 4, Blok B  
Bangunan Ibu Pejabat PKNS  
No 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan**

- ii) Permohonan daripada anggota yang sedang berkhidmat di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor mestilah dibuat melalui Ketua Bahagian masing-masing.
- iii) Pemohon daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah dibuat melalui Ketua Jabatan mengikut peraturan di bawah Peraturan 17 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan kemas kini serta Laporan Penilaian Prestasi terkini disertakan bersama dalam permohonan tersebut. Permohonan yang dikemukakan tidak melalui Ketua Jabatan tidak akan dipertimbangkan.

## C) TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Pada atau sebelum **17 OKTOBER 2022**.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZURA BINTI RAMLI)**  
Pengurus Kanan Sumber Manusia  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

**Tarikh : 07 Oktober 2022**

**EDARAN KEPADA**

**Ahli-ahli Pengurusan PKNS  
Semua Ketua Bahagian**

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TADBIR GRED N41**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN/GAJI : N41**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N41 : RM2,080.00); atau;
  - (d) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N41 : RM2,283.43).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**PENGALAMAN KERJA /  
KOMPETENSI**

1. Berpengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.
2. Kemahiran bekerjasama secara berpasukan dan bekerja di bawah tekanan dengan penyeliaan yang minimum.
3. Kemahiran berkomunikasi dengan baik dan mempunyai sifat penyabar serta gigih dalam melaksanakan tugas.
4. Kemahiran dalam penggunaan Microsoft Word, Excel dan PowerPoint.

5. Kemahiran dalam memantau pelaksanaan program.
6. Memiliki sekurang-kurangnya lesen memandu motosikal B2 dan akses kepada kenderaan.

## **SKOP TUGAS**

1. Mewakili Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) dan bertindak sebagai pegawai perhubungan di peringkat daerah/cawangan dalam hal ehwal berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM).
2. Membantu pejabat daerah/cawangan menyelaraskan penyediaan strategi dan program yang khusus kepada ketua dan ahli isi rumah (KIR dan AIR) berdasarkan garis panduan dan format permohonan yang telah ditetapkan.
3. Memantau pelaksanaan BMTKM di peringkat daerah/cawangan dengan memastikan universiti awam (UA) yang terpilih mengemas kini status kemajuan melalui sistem iBox setiap minggu serta mengemukakan laporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan BMTKM Peringkat Daerah/Cawangan.
4. Mengadakan sesi libat urus bersama KIR dan AIR miskin tegar serta pemimpin setempat dan penggerak masyarakat untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi dan melaporkan kepada pejabat daerah/cawangan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan BMTKM Peringkat Daerah/Cawangan.
5. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan BMTKM Peringkat Daerah/Cawangan.
6. Menyelaraskan mesyuarat dan program turun padang berkaitan BMTKM yang melibatkan delegasi EPU, JPM merangkumi penyediaan surat jemputan, pengurusan logistik dan lain-lain tugas pentadbiran yang berkaitan.

## **LOKASI BERTUGAS**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.
2. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.
3. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor.
4. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.
5. Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).